

03/03/2003

Pelbagai kegiatan sempena Maal Hijrah

HIJRAH atau 1 Muharam adalah tahun baru kalendar Islam. Pada tarikh ini, kira-kira 1,424 tahun yang lalu, adalah hari perpindahan Rasulullah saw dan sahabat dari Makkah ke Madinah.

Hijrah membawa pengertian besar dalam perjuangan Islam di mana perpindahan itu, bukan menandakan bermulanya perkembangan agama Allah hingga ke seluruh dunia, tetapi juga sejarah pengiraan takwim (kalendar) Islam.

Perpindahan itu berikutan turunnya wahyu Allah kepada Rasulullah supaya berhijrah ke Madinah demi menyelamatkan akidah dan iman umat Islam yang ketika itu ditindas dengan teruk oleh puak Quraisy Makkah.

Sebelum turunnya wahyu itu, Rasulullah sendiri, dengan daya usaha baginda, sudah memerintahkan beberapa sahabat berhijrah ke Habsyah dan negeri berdekatan untuk meninjau tempat yang lebih sesuai bagi menyebarkan agama Islam dan mendirikan kerajaan Islam.

Jika 1 Januari disambut dengan meriah oleh masyarakat dunia,, maka adalah wajar bagi umat Islam negara ini dan seluruh dunia, merayakan 1 Muharam, yang jatuh pada 4 Mac ini, dengan acara menarik sesuai dengan syariat agama.

Di negara ini, sambutan hijrah dimulakan sejak 3 Mac (hari ini) dengan majlis forum, solat hajat, bacaan yasin dan doa selamat di Masjid Negara, membabitkan bacaan doa akhir dan awal tahun, pada jam 7 malam.

Keesokannya, iaitu pada 1 Muharam 1424 Hijrah, diadakan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan. Tema sambutan kali ini ialah 'Bersama Hayati Keindahan Islam', sama seperti tema tahun lalu.

Tema itu dipilih bagi mengingatkan umat Islam supaya sentiasa menghayati ajaran Islam yang indah dan murni bagi mengimbangi dan memperbetulkan pandangan negatif dunia terhadap agama dan ajaran Islam, kerana wujud segelintir umat Islam yang terpesong, salah tafsir dan tidak memberi penekanan seimbang kepada ajaran Islam yang sebenar.

Pada kira-kira jam 8.30 pagi 1 Muharam, akan diadakan perhimpunan Maal Hijrah di Stadium Putra, Bukit Jalil. Selain pembacaan ayat suci al-Quran, akan diadakan majlis pengurniaan Anugerah Tokoh Maal Hijrah tahun 1424H/2003 serta persembahan khas.

Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan hadir pada majlis itu.

Sejak sambutan Maal Hijrah diadakan 12 tahun lalu, ramai tokoh dipilih dan banyak tema sudah digunakan untuk menyambut kedatangan hari besar umat Islam itu.

Antara individu yang terpilih sebagai Tokoh Maal Hijrah ialah Allahyarham Syekh Mohd Idris Abdul Rauf Marbawi pada tahun 1408H bersamaan 1986; Prof Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim tahun 1409H/1987; Tan

Sri S O K Ubaidullah tahun 1410/1988, diikuti Prof Tan Sri Muhammad M Abdul Rauf pada tahun 1411H/1989.

Pada tahun 1412H/1991 pula, tokoh yang dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah

ialah Datuk Mohd Asri Muda manakala tema sambutan tahun itu ialah `Hijrah

Ke arah Keagungan'. Tiada penganugerahan tokoh dibuat pada tahun 1403H/1992.

Pada tahun 1415H/1994, tema sambutan ialah `Hijrah Membentuk Kesejahteraan Ummah'.

Pada 1416H/1995, Tun Hamdan Sheikh Tahir dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah dalam sambutan yang bertemakan `Hijrah membawa Nilai Murni'. Sekali

lagi, pada tahun 1417H/1996, tiada penganugerahan tokoh dibuat.

Seterusnya, pada tahun 1418H/1997, Prof Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid, telah dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah, dengan tema sambutan

tahun itu `Akhlak Mulia Umat Sejahtera'. Pada tahun 1419H/1998, tema sambutan ialah `Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita'. Bagaimanapun tiada tokoh yang dipilih untuk tahun itu.

Pada tahun 1420H/1999, tokoh Maal Hijrah yang dipilih ialah Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid. Tema sambutan tahun itu ialah `Perpaduan Ummah Membawa Kejayaan'. Pada tahun 1421H/2000, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah dalam sambutan bertemakan `Bersyukur Tanda Keteguhan Iman', manakala pada tahun 1422H/2001, tokoh yang dipilih

ialah Datuk Dr Ismail Ibrahim dengan tema sambutan `Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah'.

Dalam sambutan Maal Hijrah 1423H/2002 yang lalu, Datuk Hassan Azhari, telah dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah, dalam sambutan yang bertemakan `Bersama Hayati Keindahan Islam'.